

## KANDUNGAN

- Falsafah Dan Objektif Program Minggu Mesra Mahasiswa 2017/2018 1
- Pengisian Program 2
- Pengesahan Pendaftaran 3
- Panduan Pendaftaran 10
- Peta Lokasi UTM Kuala Lumpur 18

## **FALSAFAH**

### **PROGRAM MINGGU MESRA MAHASISWA (MMM)**

Kedatangan mahasiswa baru setiap tahun memang dinanti-nantikan oleh Universiti. Program Minggu Mesra Mahasiswa adalah laluan pertama bagi mahasiswa baru sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada masyarakat Universiti. Pengharapan mereka terhadap kehidupan di Universiti digarap melalui pelaksanaan Program Minggu Mesra Mahasiswa supaya seiring dengan nilai dan budaya Universiti agar bersesuaian dengan keperluan mahasiswa dan seterusnya dapat mengikuti program pengajian Universiti dengan penuh yakin dan jayanya.

Mahasiswa baru yang menjejakkan kaki ke Universiti membawa bersama-sama mereka pelbagai latarbelakang, sifat, fahaman, harapan dan pengalaman. Kepelbagaian ini adalah merupakan satu aset yang penting, bukan sahaja dapat menyatupadukan mahasiswa, memupuk perasaan saling memahami dan sikap toleransi antara satu sama lain malahan juga boleh dijadikan sumber kekuatan untuk memperkayakan diri melalui peluang pembelajaran yang berterusan antara satu sama lain.

Program Minggu Mesra Mahasiswa dirancang bersesuaian dengan hasrat Universiti untuk menyambut kedatangan mahasiswa baru dengan penuh kemesraan supaya mereka tertarik dengan kehidupan di Universiti yang boleh mencetus semangat, motivasi dan daya saing bagi mencapai kecemerlangan akademik serta kehidupan yang harmoni.

## **OBJEKTIF**

Objektif Program Minggu Mesra Mahasiswa adalah seperti berikut :-

- i) Memberi penerangan kepada mahasiswa mengenai matlamat, fungsi dan struktur Universiti ;
- ii) Memberi motivasi kepada mahasiswa untuk berjaya dan memberi peluang untuk berinteraksi dengan fakulti bagi mengetahui program-program dan kursus yang dijalankan serta kemudahan-kemudahan yang ada ;
- iii) Membantu mahasiswa mengenali dan menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran dan kehidupan di dalam kampus dengan lebih mudah dan teratur agar kehidupan mereka dalam kampus menggembirakan dan lebih bermakna ; dan
- iv) Menanam dan menyuburkan nilai-nilai mulia supaya sikap yang baik seperti kejujuran, amanah, bertoleransi, hormat menghormati dan berdisiplin menjadi pegangan dan amalan hidup.

[1]

## **PENGISIAN**

### **MAJLIS CERAMAH**

Bagi membuka minda, fikiran dan menghidupkan budaya keintelektualan mahasiswa, melalui majlis-majlis ucap utama seperti ucapan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni dan Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur) yang akan diadakan di Kampus UTM Kuala Lumpur. Pendedahan kepada majlis sebegini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan pengalaman yang baharu kepada mahasiswa serta memberi peluang kepada mahasiswa mempelajari perjalanan sesuatu majlis rasmi.

### **LAWATAN SEKITAR KAMPUS**

Program Minggu Mesra Mahasiswa telah disusun untuk memberikan gambaran yang sebenar kepada mahasiswa mengenai kehidupan kampus serta budaya yang ada di dalamnya. Mahasiswa akan mengenali kehidupan serta mendapat pengalaman baharu di kampus serta memberi peluang kepada mahasiswa untuk berfikir dalam usaha untuk menyesuaikan diri dengan suasana baharu.

### **PROGRAM INTERAKSI DENGAN PEGAWAI KANAN UNIVERSITI**

Program yang memberi peluang kepada mahasiswa berinteraksi dengan Pegawai Kanan Universiti seperti upacara perasmian Minggu Mesra Mahasiswa yang melibatkan seluruh pegawai kanan Universiti dan juga program berinteraksi di peringkat fakulti dan Jabatan seperti suaikenal bersama Dekan, Profesor dan Ketua-Ketua Jabatan akan diatitkan melalui program Minggu Mesra Mahasiswa tersebut. Program sebegini diharap dapat menambah keyakinan di dalam diri mahasiswa baharu bagi memulakan kehidupan di kampus.

### **PROGRAM PENGHAYATAN NILAI MURNI**

Bagi menyemai dan menyuburkan sikap dan penghayatan, nilai murni berlandaskan kesedaran kepada Tuhan, program tazkirah, ceramah agama, ceramah motivasi dan solat berjemaah (bagi mahasiswa beragama Islam) akan diadakan di Masjid UTM atau surau Kolej Siswa Jaya.

[2]

## **PENGESAHAN PENDAFTARAN**

Semua mahasiswa Tahun Satu ditawarkan penginapan di Kolej Siswa Jaya dan dikehendaki mendaftar pada :

**Tarikh** : 31 Mei 2017 (Rabu)  
**Tempat** : i) Blok A bagi mahasiswi (perempuan)  
ii) Blok B bagi mahasiswa (lelaki)

**UNTUK MAKLUMAN** : Masa pendaftaran adalah mengikut program pengajian seperti jadual di bawah :

**JADUAL PENDAFTARAN MINGGU MESRA MAHASISWA PROGRAM DIPLOMA UTMSPACE PUPW  
SESI AKADEMIK 2017/2018  
UTM KUALA LUMPUR**

MASA	KURSUS
8.30 pagi - 10.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>-</li><li>- Diploma Kejuruteraan Awam (DDWA)</li><li>- Diploma Ukur Tanah (DDWL)</li><li>- Diploma Ukur Bahan (DDWQ)</li><li>- Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah (DDWN)</li></ul>
10.00 pagi – 11.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>- Diploma Pengurusan Harta Tanah (DDWF)</li><li>- Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat) (DDWC)</li><li>- Diploma Sains Komputer (Multimedia) (DDWZ)</li></ul>
11.30 pagi – 1.00 petang	<ul style="list-style-type: none"><li>- Diploma Kejuruteraan Elektrik (DDWE)</li><li>- Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik) (DDWB)</li><li>- Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) (DDWK)</li><li>- Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan) (DDWW)</li></ul>
2.00 – 4.00 petang	<ul style="list-style-type: none"><li>- Diploma Senibina (DDWR)</li><li>- Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DDWJ)</li><li>- Diploma Pengurusan Teknologi (DDWG)</li></ul>

[3]

Sila patuhi tatacara pendaftaran Minggu Mesra Mahasiswa di muka surat 10, 11 dan 12, supaya anda lebih bersedia. Selepas pendaftaran Minggu Mesra Mahasiswa, mahasiswa dikehendaki merujuk kepada Aturcara Minggu Mesra Mahasiswa Program Diploma UTMSPACE PUPW Sesi

Akademik 2017/2018 (dibekalkan semasa pendaftaran MMM) untuk mengikuti program berikutnya.

## KREW MINGGU MESRA MAHASISWA

Krew MMM dilantik daripada mahasiswa kanan yang berpengalaman dalam pengendalian kumpulan mahasiswa. Fungsi utama Krew MMM adalah untuk membantu mahasiswa baharu mengikuti proses pengajian/kehidupan sebagai mahasiswa Universiti. Mahasiswa baharu dimohon untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Krew MMM sepanjang program tersebut.

## KEPERLUAN YANG PERLU DIBAWA

Sahsiah Rupa Diri Mahasiswa	Sahsiah Rupa Diri Mahasiswi
<ul style="list-style-type: none"><li>◆ Berpakaian formal, kemeja berlengan panjang (warna bebas), bertali leher, berseluar 'slack' gelap.</li><li>◆ Berkasut gelap. Tidak dibenarkan memakai selipar</li><li>◆ Rambut mestilah pendek, kemas, tidak diwarnakan, tidak berekor, fesyen rambut yang tidak keterlaluan tidak menutup telinga dan tidak menutup kening.</li><li>◆ Tidak memakai subang, anting-anting serta rantai leher</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>◆ Berpakaian baju kurung (warna bebas) atau baju lengan panjang berkolar, berkain labuh berwarna gelap</li><li>◆ Pakaian mestilah tidak menjolok mata seperti pakaian ketat, jarang, pendek dan berbelah</li><li>◆ Tidak dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka (purdah).</li><li>◆ Berkasut gelap dan berstokin gelap. Tidak dibenarkan memakai selipar.</li><li>◆ Rambut hendaklah berada dalam keadaan kemas dan tidak diwarnakan.</li></ul>

Mahasiswa yang tidak mematuhi peraturan di atas atau tidak menuruti Tatacara Pakaian Pelajar yang telah ditetapkan **TIDAK** akan dibenarkan mendaftar.

Sila rujuk **Buku Peraturan Mahasiswa UTM** untuk maklumat lebih lanjut.

[4]

## KOD ETIKA PAKAIAN SEPANJANG MINGGU MESRA MAHASISWA

Bil	Gender	Minggu Mesra Mahasiswa	
		Pakaian harian	Pakaian Upacara rasmi Universiti
1	Mahasiswa	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ T-shirt berlengan pendek seluar panjang sukan (<i>track bottom</i>)</li> <li>◆ Pakaian sukan yang sesuai termasuk kasut sukan dan stokin</li> <li>◆ Tidak dibenarkan memakai kemeja "T" tidak berkolar, seluar <i>jeans</i> atau selipar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Kemeja berlengan panjang (warna cerah), bertali leher dan berseluar</li> <li>◆ Kasut berwarna gelap dan stokin hitam untuk upacara rasmi</li> <li>◆ <b>Beragama Islam.</b> Keperluan untuk solat termasuk pakaian baju Melayu kebangsaan lengkap, bersamping dan songkok berwarna hitam atau biru tua gelap</li> </ul>
2	Mahiswi	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ T-shirt berlengan panjang seluar panjang sukan (<i>track bottom</i>)</li> <li>◆ Pakaian sukan yang sesuai termasuk kasut sukan dan stokin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Berpakaian baju kurung (warna bebas) atau baju lengan panjang berkolar, berkain labuh berwarna gelap.</li> <li>◆ Tidak dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka (<i>purdah</i>).</li> <li>◆ Kasut berwarna gelap dan stokin hitam untuk upacara rasmi.</li> </ul> <p><b><i>(Sebarang perubahan pemakaian akan dimaklumkan kemudian)</i></b></p>

[5]

**MAKLUMAN**

Universiti Teknologi Malaysia telah melaksanakan 'Hari Berpakaian Kemas' (Smart day) pada setiap hari Isnin. Anda dikehendaki mematuhi peraturan berikut :-

1. Semua mahasiswa hendaklah berpakaian formal ke kuliah dengan memakai kemeja lengan panjang, berwarna putih atau lain-lain dan berseluar gelap (Pemakaian seluar jeans tidak dibenarkan), berstokin gelap, berkasut kulit dan bertali leher ;
2. Semua mahasiswi beragama Islam hendaklah berpakaian formal ke kuliah dengan memakai baju kurung , bertudung dan berkasut. Seluar panjang/ seluar jeans tidak dibenarkan pada hari Isnin ;
3. Semua mahasiswi yang bukan beragama Islam hendaklah berpakaian formal ke kuliah dengan memakai baju lengan panjang, berkolar, kain labuh berwarna gelap dan berkasut. Seluar panjang / seluar jeans tidak dibenarkan pada hari Isnin ; dan
4. Pada hari-hari kuliah yang lain pemakaian mahasiswa adalah tertakluk kepada Tatacara Pemakaian Universiti.

## **KEMUDAHAN KESIHATAN**

Pusat Kesihatan Universiti memberi rawatan dan kemudahan perubatan kepada mahasiswa secara percuma.

Jadual perkhidmatan semasa Minggu Mesra Mahasiswa adalah seperti berikut:-

Isnin – Jumaat - 8.00 pagi – 5.00 petang

[6]

## **KEMUDAHAN PENGANGKUTAN**

**A. KEPERLUAN KENDERAAN DARI LAPANGAN TERBANG**

Mahasiswa yang memerlukan perkhidmatan dari lapangan terbang mestilah memaklumkan masa dan tarikh ketibaan kepada Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (No. Tel: 03-26154282/4475) atau emel : rusli.kl@utm.my **seminggu sebelum** tarikh penerbangan. **Mahasiswa diingatkan supaya tidak menggunakan perkhidmatan teksi yang tiada permit (teksi haram) demi keselamatan.**

**B. KENDERAAN SENDIRI**

Sila perhatikan tanda arah meletak kenderaan yang disediakan oleh pihak Universiti. Mahasiswa diminta mematuhi arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas untuk mengelakkan kesesakan jalan raya sepanjang proses pendaftaran dijalankan. Kerjasama pemandu amat dihargai.

**C. KENDERAAN BERMOTOR**

Perkhidmatan bas transit dari Kolej Siswa Jaya ke Kampus atau sebaliknya disediakan seawal jam 6.45 pagi hingga 10.30 malam setiap hari kecuali hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am. Saudara digalakkan menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan.

**LAIN-LAIN KEMUDAHAN**

**A. Perkhidmatan Mesin Kad Auto-Teller (ATM) – MEPS**

- i) Kampus : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Maybank
- ii) Kolej Siswa Jaya (KSJ) : Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

B. Kemudahan fotokopi, kedai runcit dan mesin basuh berbayar disediakan di kolej siswa.

C. Masjid UTM terletak di kampus dan surau disediakan di Kolej Siswa Jaya (KSJ).



## BANTUAN KEWANGAN

Pihak Universiti tidak menawarkan bantuan kewangan kepada mahasiswa. Oleh itu mahasiswa adalah dinasihatkan memohon biasiswa atau bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan swasta melalui iklan dikeluarkan di akhbar tempatan. Bagi tujuan ini, mahasiswa diminta membawa dokumen-dokumen seperti dibawah :-

1. Salinan surat tawaran kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi ; bukan cetakan komputer.
2. Salinan sijil-sijil yang telah disahkan benar dari salinan asal;
3. Salinan Surat Beranak yang telah disahkan benar dari salinan asal;
4. Gambar berwarna berukuran pasport;
5. Salinan kad pengenalan dan slip gaji terkini atau Borang 'J' atau kad pesaraan atau pengesahan pendapatan ibubapa / penajaga (bagi yang bekerja sendiri) yang telah disahkan benar dari salinan asal;
6. Salinan sijil kerakyatan (jika ada) ; dan
7. Sesalinan slip maklumat akaun bank.

\* Semua salinan dokumen perlu dibuat pada kertas bersaiz A4.

## PINJAMAN PTPTN

Untuk permohonan pinjaman PTPTN, saudara diwajibkan untuk membuka akaun SSPN dengan bayaran minima RM 20.00 di cawangan Bank Islam atau Maybank berhampiran anda. Untuk maklumat lanjut saudara boleh merujuk kepada laman sesawang PTPTN di alamat [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

## PERINGATAN


- Mahasiswa diminta untuk membawa dokumen di atas semasa taklimat biasiswa diadakan.
- Mahasiswa dinasihatkan untuk menyediakan dokumen-dokumen di atas bagi mengelakkan ketiadaan penaja sepanjang tempoh pengajian.
- Pengesahan dokumen hanya boleh dibuat sama ada oleh Pengetua, Guru Besar Sekolah, (Sekolah Kerajaan sahaja), Penghulu Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Mukim, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (dahulunya Kumpulan A), Jaksa Pendamai atau Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ahli Exco).
- Selain dari itu, pihak Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni akan mengeluarkan iklan tawaran bantuan kewangan daripada penaja-penaja untuk makluman mahasiswa dari masa ke semasa. Sila rujuk papan kenyataan di Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni di talian **03-26154282**.

## **PERINGATAN**

Mahasiswa digalakkan untuk menyimpan wang di dalam bank dan **TIDAK** membawa wang tunai secara berlebihan ketika hari pendaftaran dan Minggu Mesra Mahasiswa untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian. Universiti tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan harta peribadi dan wang tunai sepanjang pengajian mahasiswa.

## PANDUAN PENDAFTARAN

### CARTA ALIR PENDAFTARAN MAHASISWA BAHARU PROGRAM DIPLOMA UTMSPACE PUPW SESI AKADEMIK 2017/2018



## ATURAN KAUNTER PENGESAHAN PENDAFTARAN 31 MEI 2017 (RABU) – 8.30 PAGI HINGGA 1.00 TGH HARI

Anda digalakkan menanda ( v ) di dalam kotak untuk semakan



### KAUNTER 1 (SERANTA/SEMAKAN)

- Pertanyaan / Semakan



### KAUNTER 2 (BENDAHARI UTMSPACE)

- Semakan dan kutipan bayaran yuran pendaftaran



### KAUNTER 3 (KOLEJ SISWA JAYA)

- Serahan borang OKU (Jika berkaitan)
- Serahan borang UTM P5
- Bayaran RM50.00 untuk cenderamata dan majlis kolej
- Mengambil kunci bilik kediaman



**KAUNTER 4 (HAL EHWAL MAHASISWA & ALUMNI)**

- Mengambil saiz baju
- Serahan Borang Aku Janji Pelajar
- Tentatif Program Minggu Mesra Mahasiswa


**KAUNTER 5 (PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI)**

- Serahan borang Perakuan Kebenaran Bius (Anaesthetic) dan Pembedahan (1C)
- Ujian rabun warna bagi program Kejuruteraan Elektrik, Mekanikal dan Ukur Tanah

## KEDIAMAN SISWA

### KADAR SEWA KOLEJ SISWA

- Kadar sewa Kediaman Siswa adalah RM 8.00 sehari (bilik berdua)

### Peralatan yang DIBENARKAN BAWA DAN PERLU DIDAFTARKAN

Peralatan ini akan dikenakan bayaran penggunaan elektrik seperti berikut:



Bil	Nama Peralatan	Kadar/Semester	Catatan
1	Pengecas Telefon	Percuma	
2	Komputer/laptop	Percuma	
3	Seterika	RM10	} Pakej RM15
4	Cerek Elektrik	RM10	
5	Pembakar Roti	RM10	
6	Pengering Rambut	RM5	
7	Radio	RM5	

### Peralatan yang DILARANG PENGUNAANNYA



Bil.	Nama Peralatan	Bil.	Nama Peralatan
1.	Peti Sejuk/TV	5.	Dapur Pemanas
2.	Periuk Nasi/ Serbaguna Elektrik	6.	Pengisar
3.	Ketuhar mikro	7.	Pemanas Elektrik
4.	<i>Boiler</i>	8.	Dapur , Mesin basuh

## **PERATURAN KEDIAMAN SISWA**

Semua mahasiswa baharu yang telah selesai proses pendaftaran dan telah menandatangani Surat Aku Janji adalah dengan ini terikat dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Mahasiswa diingatkan supaya membaca Buku Peraturan Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia dan diminta untuk tidak melakukan apa-apa perkara yang bertentangan dengan peraturan bertulis yang digunapakai oleh Universiti.

Mana-mana mahasiswa yang telah disabitkan kesalahan akan dikenakan tindakan yang setimpal dengan kesalahannya yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar. Kesalahan yang telah disabitkan oleh ke atasnya bersama tindakannya sekali akan dicatat ke Rekod Peribadi Mahasiswa yang boleh memberi kesan negatif kepada masa depan mahasiswa (pesalah) selepas tamat pengajian kelak.

## **PERATURAN AM**

### **HARI PENDAFTARAN**

#### **1. PERATURAN PAKAIAN**

- 1.1 Setiap mahasiswa dikehendaki memakai pakaian yang bersih serta kemas seperti berikut:
  - 1.1.1 Mahasiswa digalakkan memakai baju kemeja berlengan panjang serta bertali leher, berseluar dan berkasut gelap.
  - 1.1.2 Mahasiswi yang beragama Islam digalakkan bertudung, memakai baju kurung dan berkasut manakala mahasiswi yang bukan beragama Islam dikehendaki memakai pakaian yang sopan dan berkasut.
- 1.2 Mahasiswa tidak dibenarkan memakai kemeja 'T' tidak berkolar, seluar 'jeans' atau selipar.
- 1.3 Mahasiswi tidak dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka (purdah).

2. **PERATURAN RAMBUT**

- 2.1 Rambut mahasiswa mestilah tidak melebihi atau mencecah kolar baju kemeja, tidak menutup telinga dan tidak menutup kening.
  - 2.2 Rambut mahasiswi mestilah sentiasa berada di dalam keadaan kemas dan tidak diwarnakan.
  - 2.3 Mahasiswa tidak dibenarkan mempunyai rambut berekor, mewarnakan rambut dan fesyen rambut yang keterlaluan, memakai subang, anting-anting serta rantai leher.
3. Peraturan Am ini berkuatkuasa serentak dengan Akta Universiti Dan Kolej Universiti, 1971 Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar ), 1999.
4. Mahasiswa yang tidak mematuhi peraturan di atas atau tidak menuruti Tatacara Pakaian Pelajar yang telah ditetapkan **TIDAK** akan dibenarkan mendaftar.



## TALIAN URUSETIA MMM

### BAHAGIAN SINERGI MAHASISWA

- 1. Puan Hafizah binti Ahmad Pua'at**  
Penolong Pendaftar Kanan  
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA)  
Tel : 03-26154762/4475  
Fax : 03-26935488  
Email : hafizahahmad@utm.my
- 2. Puan Naimah binti Mohamed**  
Penolong Pengurus Asrama (Kanan)  
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA)  
Tel : 03-26154763  
Fax : 03-26935488  
Email : naimah.kl@utm.my

### BAHAGIAN PENTADBIRAN

- 1. Encik Zurik Azaham bin Aris**  
Timbalan Pendaftar  
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA)  
Tel : 03-26154760  
Fax : 03-26935488  
Email : zurik@utm.my
- 2. Encik Rusli bin Abdul Kadir**  
Pembantu Tadbir Kanan  
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA)  
Tel : 03-26154282  
Fax : 03-26935488  
Email : Rusli.kl@utm.my

## TALIAN URUSETIA MMM

### KOLEJ SISWA JAYA

1. **Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Haji Abu**  
Pengetua  
Tel : 03-26154117  
E-mel : aminudin.kl@utm.my
  
2. **Puan Suhana binti Bahatin**  
Penolong Pengurus Asrama (Kanan)  
Tel : Tel : 03-26154136  
E-mel : suhana.kl@utm.my

